



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

“WARGA BERTANGGUNGJAWAB”

Tarikh Dibaca :

**17 SAFAR 1443H/
24 SEPTEMBER 2021M**

Disediakan oleh :

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

**“WARGA BERTANGGUNGJAWAB”****24 SEPTEMBER 2021 / 17 SAFAR 1443H**

الحمد لله القائل:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ﴿يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ

مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾ آل عمران: ١٠٢

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ

صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Khatib ingin mengingatkan diri sendiri dan menyeru sidang jemaah sekalian untuk sama-sama kita mengukuhkan keimanan dan meningkatkan ketakwaan dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang berjaya dan beruntung di dunia dan di akhirat. Pada hari ini, khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: **“Warga Bertanggungjawab”**.

Khatib juga ingin mengingatkan untuk kita terus berdisiplin mematuhi garis panduan dan SOP pencegahan penularan wabak Covid-19. Jagalah kesihatan dan keselamatan diri

dan keluarga. Kelonggaran yang telah diberikan bukan bermaksud kita sudah bebas dari wabak. Ingatlah bahawa kita masih lagi berjuang untuk mengeluarkan negara dari kemelut pandemik Covid-19 dengan selamat.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Marilah kita ungkapkan rasa syukur dan sentiasa berusaha bersama-sama mempertahankan situasi kondusif, aman, dan sentosa ini. Rasa syukur dan semangat kesepaduan ini bukan hanya dizahirkan pada waktu-waktu tertentu, bahkan ia perlu ditanamkan sepanjang masa terutamanya pada generasi muda agar ia berkekalan sampai bila-bila. Antara usaha untuk mewujudkan dan mengekalkan suasana harmoni dan aman ini ialah dengan sentiasa menjadi warganegara yang baik dan bertanggungjawab.

Antara ikhtiar untuk menjadi warganegara yang baik dan bertanggungjawab, serta mampu dilakukan oleh segenap lapisan masyarakat ialah dengan sentiasa menjunjung tinggi peraturan dan perundangan negara. Hal ini akan mewujudkan harmonisasi dalam kehidupan masyarakat yang berbilang bangsa seperti di negara kita. Kepatuhan kepada peraturan dan perundangan negara ini juga merupakan salah satu bentuk ketaatan kita kepada para pemimpin yang memang menjadi salah satu perintah Allah SWT sebagaimana yang terkandung dalam Surah al-Nisaa' ayat 59:

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِن تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهٖٓ إِلَى

اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya."

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Selain taat kepada pemimpin dan perundangan negara, warganegara yang baik ialah mereka yang sentiasa berhati-hati dalam bermuamalah dan menerima sebarang informasi. Apatah lagi dalam era digital ketika ini, perkembangan teknologi yang begitu pesat, setiap informasi mengalir deras tanpa mengenal batas waktu dan tempat. Namun perlu diingat bahawa semua informasi yang muncul perlu ditabayun (ditapis) bagi memastikan kesahihannya. Informasi palsu dan tidak benar yang beredar dalam masyarakat hanya akan mengganggu gugat kestabilan masyarakat dalam negara. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Hujurat ayat 6:

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهْلَةٍ فَتُصِحُّوا عَلَى مَا

فَعَلْتُمْ نَدِمِينَ ﴿٦﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasiq membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini - dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan”.

Maka dalam zaman kepesatan penyebaran maklumat ini, masyarakat perlu lebih selektif dan komprehensif dalam memilih dan memahami informasi tentang apa-apa jua berita yang diterima dengan merujuk kepada sumber berita atau media utama yang berautoriti serta tidak terpengaruh dengan pemberitaan yang belum tentu kesahihannya lebih-lebih lagi di media sosial.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Bagi mengukuhkan lagi keharmonian negara ini, sudah seharusnya setiap lapisan masyarakat perlu menunaikan peranan masing-masing dengan perkara-perkara yang baik. Hal ini boleh dilakukan dengan seoptimum mungkin berdasarkan peranan dan bidang masing-masing. Para pemimpin perlu amanah dan mampu menguruskan rakyat

yang dipimpin dengan baik. Manakala yang dipimpin pula perlulah mendukung para pemimpin dalam hal-hal yang mendatangkan *maslahah* (kebaikan) dan menjauhkan *mafsadah* (keburukan) kepada seluruh warganegara.

Setiap lapisan masyarakat perlu sentiasa berganding bahu dan saling membantu untuk mewujudkan suasana sejahtera dalam negara. Jangan ada rasa iri hati dan saling berdengki antara satu sama lain. Setiap kekurangan perlu ditampung dengan kelebihan yang dimiliki oleh pihak lain kerana begitulah lumrah dalam hidup bermasyarakat. Masing-masing saling menguatkan dan melengkapi antara satu sama lain dan bukan pula untuk menjatuhkan lebih-lebih lagi dalam suasana kita berusaha memulihkan negara dari kemelut pandemik Covid-19.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Dalam usaha menjaga kesejahteraan dan keberkatan hidup, ajaran Islam mengajar umatnya untuk saling menasihati dan saling menegur antara satu dengan yang lain. Nasihat atau teguran yang disampaikan perlu disampaikan dengan beradab, sopan dan berhikmah. Matlamat utama kita menegur seseorang itu ialah demi kebaikan dan bukannya bertujuan untuk menjatuhkan, menghina, mendedahkan aib atau berniat buruk. Setiap kita juga perlu berjiwa besar untuk menerima teguran dan nasihat dari orang lain. Maka, jika nasihat disampaikan dengan betul, dan nasihat diterima dengan hati terbuka, pastinya ia menatijahkan suatu perubahan yang baik bukan sahaja kepada individu tersebut, bahkan kepada seluruh masyarakat umumnya. Seterusnya, terbentuklah suatu keadaan masyarakat yang harmoni, negara yang baik dan diredhai oleh Allah SWT.

Justeru, mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin menekankan beberapa pesanan, iaitu;

Pertama: Kita perlu menzahirkan rasa syukur atas segala nikmat yang telah dikecapi tanpa mengira masa dan tempat.

Kedua: Untuk membentuk sebuah negara yang baik, warganegaranya juga berperanan menjadi warga yang baik dan bertanggungjawab dengan menjunjung tinggi perundangan negara.

Ketiga: Setiap masyarakat perlu selektif dan komprehensif dalam memilih dan menerima sebarang informasi yang diterima.

Keempat: Setiap pemimpin dan rakyat memiliki peranan dan tanggungjawab dalam memastikan suasana sejahtera dan tenteram dalam negara dapat dipelihara dan akhirnya membentuk sebuah negara yang diredhai dan diberkati oleh Allah SWT.

Renungkanlah firman Allah SWT dalam Surah Saba' ayat 15:

﴿لَقَدْ كَانَ لِسَبَإٍ فِي مَسْكِنِهِمْ آيَةٌ جَنَّتَانِ عَنْ يَمِينٍ وَشِمَالٍ كُلُوا مِنْ رِزْقِ رَبِّكُمْ

وَأَشْكُرُوا لَهُ، بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبُّ غَفُورٌ ﴿١٥﴾

Maksudnya: “Demi sesungguhnya, adalah bagi penduduk negeri Saba', satu tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) yang terdapat di tempat tinggal mereka, iaitu: dua kumpulan kebun (yang luas lagi subur), yang terletak di sebelah kanan dan di sebelah kiri (kampung mereka). (Lalu dikatakan kepada mereka): "Makanlah dari rezeki pemberian Tuhan kamu dan bersyukurlah kepadaNya; (negeri kamu ini adalah) negeri yang baik (aman dan makmur), dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan yang Maha Pengampun!”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،

وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي

وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،

فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

أَحْمَدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةِ وَالسَّلَامِ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: ﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي
التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلِكْنَا كَبَاوَهُ دُوْلِي يَغْ مَهَا مُوْلِيَا
سَرِي قَدُوكْ بِكَيْنْدَا يَغْ دَفْرَتْوَانِ اَكُوغْ، السُّلْطَانَ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ
شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دُولِي بِيغِ مَهَا مُوَلِيَا سِرِي قُدُوكْ بِكِينِدَا رَاچِ قُرْمَايسُورِي اِكُوغْ،
تُونكُو (Tunku) حَاچِه عَزِيْزَةٌ اَمِيْنَةٌ مِيْمُوْنَةٌ اِسْكَندَرِيَّةٌ بِنْتُ الْمَرْحُوْمِ الْمُتَوَكَّلِ عَلٰى
اللّٰهُ سُلْطَانِ اِسْكَندَرَ الْحَاچِ.

اللّٰهُمَّ اَحْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوَزَرَآءَهُ وَقَضَاتَهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِيْنَ وَ الْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ
يَا اَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ .

اللّٰهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا اَمِيْنًا مُّطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رَخَاءٍ، دَارَ عَدْلٍ وَاِيْمَانٍ، وَاَمْنٍ وَاَمَانٍ،
وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِيْنَ .

اللّٰهُمَّ اَعِزِّ الْاِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ ، وَدَمِّرْ اَعْدَاءَكَ اَعْدَاءَ الدِّيْنِ وَاَنْصِرْ مَنْ نَصَرَ الدِّيْنَ،
وَاخْذَلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِيْنَ، وَاَعْلِيْ كَلِمَتِكَ اِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ .

اللّٰهُمَّ اَدْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِيْنَ عَامَّةً، اِنَّكَ عَلٰى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٌ .
اللّٰهُمَّ اِنَّا نَعُوْذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُوْنِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْاَسْقَامِ، يَا اَرْحَمَ
الرَّاحِمِيْنَ .

Ya Allah! Kurniakanlah taufiq dan inayah-Mu ke atas Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah dalam melaksanakan tugas pentadbiran negara juga ke atas Raja Permaisuri Perak Tuanku Zara Salim.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah merayu kepada-Mu agar Engkau angkat dan hilangkan segera wabak penyakit Covid-19 yang sedang melanda kami agar dapat kami melaksanakan syiar-Mu dengan sempurna. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴾ ﴿٩٠﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.